



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	5/10/2019	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Bekalan air berbau

*Penduduk dakwa masalah tersebut mengganggu aktiviti harian*

ASYRAF MUHAMMAD

KUALA LANGAT

**P**enduduk di Bandar Saujana Utama meluahkan kekusaran berikutan bekalan air di kawasan berkenaan dikatakan tercemar dan berbau busuk sejak beberapa hari lalu.

Melalui tinjauan yang dilakukan *Sinar Harian* semalam, kebanyakan penduduk menggesa tindakan segera diambil bagi menangani masalah itu kerana kluatir terhadap masalah kesihatan selain mengakuai keadaan itu



Fuad menghidu air yang dikatakan berbau sejak beberapa hari lalu.

mengganggu aktiviti harian mereka.

Ahli Jawatankuasa (AJK) Surau Al Ikhlas, Bandar Saujana Utama, Fuad Musa, 62, berkata, masalah air berbau itu berlaku selepas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih kembali beroperasi sepenuhnya Sabtu lalu.

“Semalam bau busuk

itu masih lagi kuat, namun hari ini (semalam) ia dah kurang sikit,” katanya ketika ditemui semalam.

Pada 28 September lalu, LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas ekoran pencemaran bau sehingga menyebabkan LRA berkenaan terpaksa ditutup selama kira-kira 10 jam bermula 5 petang.

Fuad berkata, bau berkenaan agak kurang menyenangkan malah pihaknya juga merasa ragu-ragu dengan kebersihan air tersebut.

Seorang lagi penduduk, Hazwan Ismail, 43, berkata, selain Bandar Saujana Utama, kawasan Cyberjaya dan Putrajaya turut dilaporkan berdepan masalah sama.

“Isu pencemaran air sewajarnya diberi perhatian dengan lebih serius kerana ia melibatkan aspek kesihatan penduduk di kawasan terlibat,” katanya.

Syed Shafik Syed Ahmad, 71, pula berkata, tindakan segera bagi mengenal pasti punca permasalahan itu perlu dilakukan berikutan ia mengundang keresahan masyarakat setempat, di samping kluatir ia mendatangkan masalah kesihatan khususnya buat kanak-kanak dan pelajar sekolah.